PP

lwn.

KHOO YUEN LEE

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-11-2009]
10 OGOS 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Sama ada peruntukan anggapan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 boleh digunapakai untuk membuktikan elemen pengedaran dadah jenis Ketamine - Sama ada "concealing" dadah dapat menimbulkan kesalahan pengedaran - Sama ada dadah telah dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain bagi tujuan "promote distribution" kepada pihak ketiga - Sama ada tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan - Kes prima facie - Sama ada terbukti - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 12(2) & 39B(1)(a)*

Tertuduh ('OKT') telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') bagi kesalahan mengedar 575.75 gram Ketamine dan 106.49 gram Ketamine dan dua lagi pertuduhan di bawah s. 12(2) Akta bagi kesalahan memiliki 1.39 gram Methamphetamine dan 0.77 gram Nimetazepam. Berdasarkan fakta, Korporal Inspektor Basri ('SP4') bersama-sama dengan anggota serbuannya telah pergi ke rumah OKT di Pangsapuri Samudera selepas menerima maklumat berkaitan pengedaran dadah di situ. Setiba di rumah OKT, SP4 terpaksa mengarahkan anggota-anggotanya untuk memecahkan pintu rumah OKT apabila didapati bahawa OKT tidak menjawab panggilan SP4 walaupun SP4 telah membunyikan loceng dan menepuk pintu gril. Apabila pintu dibuka, SP4 melihat OKT berada berdekatan dengan tingkap dan telah mencampakkan sesuatu ke arah luar tingkap. OKT kelihatan dalam keadaan cemas, takut dan berpeluh apabila melihat pasukan polis di rumahnya. Apabila SP4 membuat pemeriksaan di dalam bilik utama rumah tersebut, beliau telah menerima maklumat daripada SP6 bahawa terdapatnya suatu objek yang telah dicampak keluar melalui tingkap bilik rumah itu. Di bilik utama, SP4 telah menjumpai dadah jenis Ketamine, Methamphetamine dan Nimetazepam masing-masing, antara lain, di dalam laci almari pakaian, laci meja solek dan katil. Berkenaan

A objek yang kononnya telah dicampak oleh OKT melalui tingkap biliknya, ianya disahkan oleh ahli kimia bahawa kandungannya adalah dadah jenis Ketamine. Berdasarkan fakta kes, pihak pendakwaan berhujah bahawa: (i) OKT mempunyai milikan secara langsung (direct physical possession) ke atas kesemua dadah yang B ditemui di dalam bilik utama tersebut; dan (ii) OKT telah melakukan kesalahan pengedaran bagi dadah yang dijumpai di dalam bilik utama rumah tersebut dan juga terhadap dadah yang dicampak oleh OKT melalui tingkap rumahnya.

C **Diputuskan (melepaskan dan membebaskan OKT tanpa dipanggil untuk membela diri):**

(1) Bagi membuktikan pertuduhan memiliki dadah berbahaya di bawah ss. 12(2) dan 39B(1)(a) Akta, pihak pendakwaan perlu membuktikan: (i) bahawa dadah yang dirampas berada D dalam milikan OKT di mana beliau mempunyai jagaan dan kawalan ke atasnya serta beliau mempunyai pengetahuan bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya; dan (ii) bahawa dadah tersebut tersenarai di bawah Akta dan dengan berat seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan. (perenggan E 25)

(2) OKT bukannya seorang sahaja yang mempunyai jagaan dan kawalan bagi kesemua dadah tersebut. Ini adalah kerana di dalam bilik utama rumah itu terdapat juga pakaian-pakaian, F barangan dan gambar lelaki bersama perempuan lain. Pegawai penyiasat ('SP7') juga telah gagal untuk mengambil tindakan selanjutnya untuk menyangkal fakta bahawa kononnnya ada pihak ketiga bernama "John", iaitu teman lelaki OKT yang tinggal bersamanya di situ. (perenggan 48)

G

(2a) Pihak pendakwaan tidak boleh menepis dan menghindarkan begitu sahaja kewujudan personaliti bernama "John" kerana pada peringkat pendakwaan, adalah menjadi beban ke atas mereka untuk memastikan bahawa tidak terdapat lompang H dalam kes terhadap OKT ataupun timbulnya keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferen selain daripada inferen yang menjurus kepada kebersalahan OKT. (perenggan 42)

I

(3) Siasatan di dalam bilik utama telah menimbulkan beberapa keraguan di mana dadah yang dijumpai di dalam laci meja solek langsung tidak dinyatakan di dalam borang pemeriksaan dan tiada penjelasan yang meyakinkan diberikan mengenainya. Daripada keterangan SP7 sendiri, semasa lawatan kali kedua ke tempat kejadian, banyak barang-barang kes yang dirampas untuk pendakwaan diambil tanpa kehadiran OKT dan ini pasti melanggar undang-undang keadilan (breach of natural justice) terhadap OKT. Oleh itu, keterangan saksi-saksi pendakwaan dalam membuktikan bahawa OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah yang dijumpai itu amat meragukan dan tidak munasabah. (perenggan 48)

(4) Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa OKT telah cuba melarikan diri atau menyorok daripada pandangan pasukan serbuan. Sekiranya benar OKT mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut, sudah pasti beliau sudah lama melupuskannya dalam tempoh lebih kurang 15 minit sebelum pasukan serbuan memasuki bilik utama itu. Pada keseluruhannya, perlakuan OKT dalam hal ini ketika itu selaras dengan tindak tanduk seseorang yang tidak melakukan apa-apa kesalahan. (perenggan 50)

(5) Pihak pendakwaan gagal membuktikan, antara lain, (i) bahawa OKT mempunyai pemilikan ke atas kesemua dadah itu dan juga dadah yang kononnya dicampak atau dibaling oleh OKT melalui tingkap bilik utama; dan (ii) bahawa OKT mempunyai pengetahuan mengenai kandungan kesemua dadah yang dijumpai di dalam bilik utama. (perenggan 54)

(6) Bagi elemen pengedaran, pihak pendakwaan tidak boleh menggunapakai peruntukan anggapan di bawah s. 37(da) Akta kerana dadah yang terlibat di dalam pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta adalah Ketamine. Oleh itu, pihak pendakwaan tidak mempunyai pilihan dan hendaklah bergantung kepada definisi pengedaran di bawah s. 2 Akta bagi membuktikannya melalui keterangan langsung atau mengikut keadaan. (perenggan 56)

A **(7)** Dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP*, ianya telah diputuskan bahawa "keeping", "storing" dan "concealing" sahaja tidak dapat menimbulkan kesalahan pengedaran dadah dan pihak pendakwaan perlulah menunjukkan adanya "an overt act" dilakukan oleh OKT ke atas dadah itu, iaitu bahawa OKT
B telah memindahkan dadah berkenaan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain bagi tujuan "promote distribution" kepada pihak ketiga. (perenggan 57)

(8) Setelah menilai keseluruhan keterangan secara maksima, ianya
C didapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa dadah di dalam bilik utama dan yang jatuh di bahagian bawah Pangsapuri Samudera itu dipindahkan dari tempat asalnya untuk tujuan pengedaran kepada pihak lain. Keterangan pihak pendakwaan di peringkat ini tidak mencukupi untuk
D membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT di bawah s. 39B(1)(a) Akta mahupun di bawah s. 12(2) Akta. (perenggan 58 & 59)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC E ***(dirujuk)***

Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***

Chan Kwok Keung & Anor v. The Queen [1990] 1 CLJ 411; [1990] 3 CLJ (Rep) 386 CA ***(dirujuk)***

F *Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC* ***(dirujuk)***

Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***

Mohd Radzi Abu Bakar v. PP [2006] 1 CLJ 457 ***(dirujuk)***

Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***

Ong Ah Chuan v. PP [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***

PP v. Kang Ho Soh [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557 HC G ***(dirujuk)***

PP v. Kasmin Soeb [1974] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals [2005] 1 CLJ 713 FC ***(dirujuk)***

Tai Chai Keh v. PP [1948] 1 LNS 122 CA ***(dirujuk)***

H **Perundangan yang dirujuk:**

Criminal Procedure Code, s. 180(1)

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 12(2), 37(d), (da), 39B(1)(a)

I

Bagi pihak pendakwaan - Umar Saifuddin Jaafar (Farah Ezlin Yusof Khan bersamanya); TPR
Bagi pihak tertuduh - KL Chee; T/n KL Chee & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan PK:

Pertuduhan

[1] Tertuduh dihadapkan dengan empat pertuduhan iaitu dua di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi kesalahan mengedar 575.75g Ketamine dan 106.49g Ketamine. Dan dua pertuduhan lagi di bawah s. 12(2) Akta yang sama bagi kesalahan memiliki 1.39g Methamphetamine dan 0.77g Nimetazepam. Pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan Pertama:

> Bahawa kamu pada 6/4/2009 jam lebih kurang 6.20 petang, di alamat, No. 14–12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah didapati mengedar dadah jenis Ketamine seberat 575.75 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Kedua:

> Bahawa kamu pada 6.4.2009 jam lebih kurang 6.20 petang, di alamat, No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah didapati mengedar dadah jenis Ketamine seberat 106.49 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama

Pertuduhan Pindaan Ketiga:

> Bahawa kamu pada 6.4.2009 jam lebih kurang 6.20 petang di alamat No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati dalam milikan kamu dadah jenis Methamphetamine seberat 1.39 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Keempat:

> Bahawa kamu pada 6.4.2009 jam lebih kurang 6.20 petang di alamat No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah didapati dalam milikan kamu dadah jenis Nimetazepam seberat 0.77 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta yang sama.

[2] Tertuduh mengaku tidak bersalah bila keempat-empat pertuduhan pindaan tersebut dibaca dan minta beliau dibicarakan.

[3] Pihak pendakwaan diwakili oleh TPR Tuan Umar Saifuddin bin Jaafar bersama TPR Cik Farah Ezlin binti Yusop Khan dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Nusajaya. Tertuduh dibela oleh Encik KL Chee dari Tetuan KL Chee & Co.

Kes Pendakwaan

[4] Seramai tujuh orang saksi berikut telah memberi keterangan bagi membuktikan kes pihak pendakwaan iaitu:

(a) L/Kpl Mazlan bin Md. Zain – Jurugambar, IPD Johor Bahru (S) – (SP1).

(b) Sarjan Anuar bin Dinie – Jurustor, IPD Johor Bahru (S) – (SP2).

(c) Encik Jayasilan a/l Sinnathurai – Jabatan Kimia Johor – (SP3).

(d) C/Insp Basri bin Hussain – Bahagian Gerakan/Operasi JSJN Bukit Aman, Kuala Lumpur – (SP4).

(e) Encik Ah Khoo @ Tan Tuan Ker – Pengurus Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, Johor Bahru – (SP5). A

(f) RF 127430 Muhammad Ali bin Said – Bahagian Gerakan Operasi, JSJN Bukit Aman, Kuala Lumpur – (SP6).

(g) C/Insp Md Yusoff bin Abu – Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Johor Bahru (S) – (SP7). B

[5] Fakta kes seperti dikemukakan melalui saksi-saksi pihak pendakwaan tersebut secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 6 April 2009 jam lebih kurang 6.20 petang, C/Insp Basri b Hussain (SP4) yang telah menerima maklumat berkaitan pengedaran dadah, bersama anggota serbuannya seramai 15 anggota telah ke rumah OKT di alamat No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, Johor Bahru, Johor. C

[6] Setiba di pangsapuri tersebut, SP4 telah mengarahkan anggotanya seramai enam orang yang dipecahkan dalam dua kumpulan yang diketuai oleh Sarjan Zaini bin Hussin dan Sarjan Khalid, masing-masing, untuk membuat pemerhatian dari bawah pangsapuri tersebut. Manakala sembilan anggota lain diarahkan untuk naik ke tingkat 14 bersamanya. D E

[7] Setiba di rumah OKT, SP4 telah membunyikan loceng dan menepuk pintu grill sambil menyebut "Polis". Namun, setelah tiada jawapan, SP4 mengarahkan anggotanya untuk memotong gril dan mangga. Seterusnya, SP4 mengetuk pintu rumah dan menyebut "polis", namun masih tiada jawapan. Lantas SP4 mengarahkan anggotanya memecahkan pintu. F

[8] Apabila pintu dibuka, berdasarkan keterangan SP4 tiada sesiapa di dalam ruang tamu dan SP4 bersama dua anggotanya terus menuju ke bilik utama dan mendapati bilik itu dikunci dari dalam. Sekali lagi SP4 mengetuk berkali-kali sambil menyebut "Polis" tetapi tiada jawapan. SP4 mengarahkan anggotanya memecahkan pintu bilik utama tersebut. G

[9] Dalam masa yang sama, sebelum SP4 memberi arahan kepada anggotanya untuk memecahkan pintu bilik utama, SP4 telah memaklumkan anggotanya yang berada di bawah iaitu kumpulan yang diketuai oleh Sarjan Zaini bin Hussin. SP4 telah memaklumkan D/Kpl Muhammad Ali bin Said (SP6) melalui 'walkie talkie' bahawa beliau akan memecahkan pintu bilik utama. Perkara ini juga telah disahkan melalui keterangan SP6. H I

[10] Apabila pintu bilik utama dipecahkan, SP4 telah lihat seorang perempuan berbangsa Cina (OKT) berada dekat dengan tingkap (eks. P25(F) iaitu gambar tempat kejadian ditanda 'Y' dan eks. P28 iaitu rajah kasar ditanda 'Z1') telah mencampakkan sesuatu ke arah luar tingkap. SP4 kemudian menyebut perkataan "polis" dan lihat OKT dalam keadaan cemas, takut dan berpeluh. Di dahinya kelihatan bintik-bintik air.

[11] SP4 terus mengarahkan anggota wanita iaitu D/Kpl Sharifah Munirah binti Syed Salim untuk membuat pemeriksaan ke atas OKT. Pemeriksaan badan tidak menemui apa-apa barangan salah.

[12] SP4 seterusnya membuat pemeriksaan dalam bilik utama tersebut. Pada masa yang sama, SP4 telah terima maklumat daripada SP6 bahawa ada sesuatu objek telah dicampak keluar melalui tingkap bilik rumah OKT. SP4 mengarahkan supaya SP6 dan anggota yang berada di bawah untuk mengawal dan jangan alihkan barang tersebut sehingga SP4 turun. Keterangan ini juga disahkan oleh SP6.

[13] SP4 membuat pemeriksaan di dalam laci meja solek (eks. P25(K) dan (L)) dan menemui satu kotak berwarna merah kuning tertera perkataan "Shat Kek Ma" (eks. P26) di dalamnya mengandungi bungkusan aluminium (eks. P27) terkandung satu paket plastik lutsinar mengandungi serbuk putih disyaki dadah (eks. P12). Ketiga-tiga barang kes ini dibuat penandaan sebagai 'A1', 'A2' dan 'A3' oleh SP4 sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP7). SP4 juga menurunkan tandatangan dan tarikh 6 April 2009. Perkara ini diakui oleh SP7.

[14] Seterusnya, SP4 menemui satu bungkusan plastik lutsinar bergarisan merah di dalamnya mengandungi serbuk putih disyaki dadah di dalam laci almari pakaian (eks. P25(J)). SP4 membuat tandaan 'B' berserta tandatangan dan tarikh 6 April 2009 (eks. P14). Di dalam laci yang sama, SP4 telah temui lima paket plastik lutsinar yang di dalamnya mengandungi kandungan berbentuk Kristal yang kemudiannya ditanda sebagai 'D', 'D1', 'D2', 'D3' dan 'D4' (eks. P18(A) hingga (E)) olehnya berserta tandatangan dan tarikh kejadian.

[15] SP4 membuat pemeriksaan lanjut di atas katil (eks. P25(G) tandaan 'X') dan menemui: A

(i) Sepuluh keping Erimin 5 yang mempunyai seratus biji. SP4 telah tandakan sebagai 'E', 'E1' hingga 'E9' berserta tandatangan dan tarikh 6 April 2009 (eks. P20 (A) hingga (J)). B

(ii) Satu bungkusan plastik lutsinar mengandungi 17 biji pil ecstacy berwarna merah jambu yang ditanda sebagai 'F' berserta tandatangan dan tarikh 6 April 2009 (eks. P22).

[16] Setelah pemeriksaan lanjut tidak menemui apa-apa barang salah, SP4 bersama-sama anggota dan OKT telah turun ke bawah dan terus ke arah kawasan di mana barang telah dicampakkan oleh OKT. C

[17] SP4 mendapati satu tompokan putih di mana terdapatnya satu bungkusan plastik lutsinar yang telah pecah. SP4 mengumpul serbuk putih yang bertaburan dan masukkan dalam plastik yang dibekalkan oleh pejabatnya dan membuat tandaan 'C' berserta tandatangan dan tarikh (eks. P16). D

[18] Kemudian SP4 telah membawa pulang kesemua barang kes dan OKT ke balai untuk diserahkan kepada SP7 (P30(A) dan (B)). E

[19] Barang kes yang disyaki dadah telah dihantar untuk dianalisa oleh ahli kimia Encik Jayasilan a/l Sinnathurai (SP3) dan hasil analisis ialah barang yang ditemui adalah: F

(i) Kandungan 'A3' – 433.88g Ketamine. (eks. P13 dan P13(A)).

(ii) Kandungan 'B' – 139.75g Ketamine. (eks. P15 dan P15(A)).

(iii) Kandungan 'C' – 106.49g Ketamine. (eks. P17 dan P17(A)). G

(iv) Kandungan 'D', 'D1' hingga 'D4' – 1.39g Methamphetamine. (eks. P19 dan P19(A)).

(v) Kandungan 'E', 'E1' hingga 'E9' – 0.77g Nimetazepam. (eks. P21 dan P21(A)). H

(vi) Kandungan 'F' – 2.12g Ketamine. (eks. P23 dan P23(A)).

I

A **Beban Pembuktian Di Akhir Kes Pendakwaan**

[20] Beban pembuktian atas pihak pendakwaan pada peringkat ini adalah untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan kepada beliau seperti
B diperuntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Dalam menentukan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan, seorang hakim bicara perlu meneliti serta menilai semua keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan secara penilaian yang maksima sambil bertanya soalan sama ada adakah hakim bicara itu bersedia untuk
C mensabitkan seseorang tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan jika pembelaan dipanggil dan tertuduh memilih untuk berdiam diri. Jika hakim bicara tidak bersedia untuk mensabitkan seseorang tertuduh dalam keadaan tersebut, maka tiada kes *prima facie* telah dibuktikan (lihat kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006]
D 1 CLJ 457 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85.

[21] Elemen utama yang perlu dibuktikan untuk mendapat sabitan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah milikan tertuduh ke atas 1.39g Methamphetamine dan 0.77g Nimetazepam.
E Pihak pendakwaan boleh menggunapakai anggapan statutori yang terdapat di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membuktikan elemen milikan dan pengetahuan tentang dadah tersebut.

[22] Untuk mendapatkan sabitan di bawah s. 39B(1)(a) Akta
F Dadah Berbahaya 1952 pula dua elemen utama perlu dibuktikan iaitu tertuduh dibuktikan mempunyai milikan (possession) ke atas 575.75g Ketamine dan 106.49g juga Ketamine yang dirampas itu dan keduanya bahawa tertuduh didapati mengedar dadah Ketamine yang menjadi hal perkara dalam kedua-dua pertuduhan tersebut.
G Di sini pihak pendakwaan boleh menggunapakai, anggapan statutori yang terdapat di bawah Akta bagi membuktikan salah satu elemen tersebut iaitu sama ada di bawah s. 37(d) Akta untuk elemen milikan ataupun di bawah s. 37(da) Akta bagi membuktikan elemen pengedaran (lihat kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ
H 457 dan *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170, [1998] 2 MLJ 273).

[23] Tetapi di dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini dalam ucapan pembukaan, Timbalan Pendakwa Raya menyatakan akan
I membuktikan bahawa kedua-dua dadah Ketamine berada dalam milikan tertuduh dan berikutnya akan bergantung kepada definasi

pengedaran di bawah s. 2 Akta bagi membuktikan elemen pengedaran melalui keterangan langsung atau mengikut keadaan kerana tidak ada peruntukan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk dadah Ketamine.

[24] Kes *prima facie* juga tidak boleh dikatakan sebagai telah dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan berikut iaitu apabila terdapat lompang (gap) dalam kes pihak pendakwaan ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh (lihat kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329, *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16 dan *PP v. Kasmin Soeb* [1974] 1 LNS 116; [1974] 1 MLJ 230).

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

[25] Bagi membuktikan pertuduhan memiliki dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 pihak pendakwaan perlu membuktikan kesemua elemen atau intipati yang berikut:

(a) Dadah iaitu 575.75g Ketamine dan 106.49g Ketamine dan 1.39g Methamphetamine dan juga 0.77g Nimetazepan yang dirampas di alamat No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, dalam daerah Johor Bahru berada dalam milikan OKT iaitu beliau mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah-dadah tersebut serta beliau mempunyai pengetahuan bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya.

(b) Dadah tersebut tersenarai di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan berat seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Elemen Pertama

[26] Pendakwaan melalui Ah Khoo @ Tan Tuan Ker (SP5) iaitu pemaju Pangsapuri Samudera dan disokong oleh Chief Inspektor Md Yusof bin Abu (SP7) iaitu pegawai penyiasat kes berasaskan Perjanjian Jual Beli (eks. P33) mengesahkan rumah di Unit No. 14-12, Pangsapuri Samudera di Jalan Mahmoodiah dalam daerah

Johor Bahru dibeli oleh OKT daripada syarikat Grand Moment Sdn Bhd pada 2 Disember 2004. SP7 juga mengatakan bahawa OKT adalah penghuni tunggal di rumah tersebut. Chief Inspektor Basri bin Hussain (SP4) iaitu pegawai serbuan pula memberi keterangan cuma OKT seorang saja berada di dalam rumah itu khususnya di bilik utama semasa serbuan digempurkan di situ.

[27] SP4 menyatakan ketika masuk ke dalam bilik utama itu didapati OKT berada di tepi tingkap kelihatan mencampakkan sesuatu.

[28] Seterusnya SP4 disokong oleh SP7 menyatakan semasa pemeriksaan dibuat dalam bilik utama itu dalam kehadiran OKT ada menjumpai dadah-dadah berikut:

(i) Satu paket plastik kemudiannya ditanda "B" mengandungi 139.75g Ketamine di dalam laci almari pakaian.

(ii) Lima paket plastik kemudian masing-masingnya ditanda "D", "D1" hingga "D4" mengandungi 1.39g Methamphetamine di dalam laci almari pakaian yang sama seperti di (i) di atas.

(iii) Satu paket plastik kemudiannya ditanda "A3" mengandungi 433.88g Ketamine di dalam laci meja solek bercermin.

(iv) Sepuluh kerajang aluminium (masing-masingnya kemudian ditanda "E", "E1" hingga "E9") mengandungi 100 biji tablet warna oren iaitu 0.77g Nimetazepam di atas katil berdekatan dengan objek berwarna hitam.

(v) Satu paket plastik kemudiannya ditanda "F" mengandungi 17 biji tablet berwarna merah jambu iaitu 2.12g Ketamine di atas katil yang sama seperti di (iv) di atas.

[29] SP4 juga menjumpai beg duit dan di dalamnya terdapat kad pengenalan diri milik OKT.

[30] SP7 pula di dalam keterangannya menyatakan ada pergi semula ke tempat kejadian beralamat No. 14-12, Pangsapuri Samudera, Jalan Mahmoodiah, Johor Bahru pada 7 April 2009 bersama SP4 membuat pemeriksaan dan merampas barang-barang berikut:

(i) 15 keping gambar OKT (eks. P34 (A) hingga (O)) dirampas di ruang tamu rumah.

(ii) Fail (eks. P35) berserta kandungannya (eks. P35(1) hingga (68)) dirampas dalam bilik utama.

(iii) Buku simpanan Public Bank milik OKT (eks. P36) yang dirampas dalam bilik utama.

(iv) Seluar jeans jenama XTM authentic cooling (eks. P37) dirampas dalam almari pakaian di bilik utama.

(v) Seluar jeans jenama YILIDE Art (eks. P38) juga dirampas dalam almari pakaian di bilik utama.

(vi) Satu T-shirt warna hijau corak bunga lukisan (eks. P39) dirampas dalam almari pakaian di bilik utama.

(vii) Satu T-shirt berjalur warna ungu berjenama "Hang Ten" (eks. P40) dirampas dalam almari pakaian di bilik utama.

(viii) Gown tidur berkotak kecil warna biru (eks. P41) dirampas dalam almari pakaian di bilik utama.

[31] Bagi item No. (iv) hingga (viii) di atas SP7 ada membuat acupakai pada OKT dan didapati sesuai dan gambar-gambar mengenainya sepertimana dalam gambar P42(A) hingga (C) dan negatifnya sepertimana di P42(An) hingga (Cn).

[32] Jadi berdasarkan fakta-fakta di atas pihak pendakwaan menghujahkan ianya menunjukkan yang OKT mempunyai pemilikan secara langsung (direct physical possession) ke atas kesemua dadah yang ditemui di dalam bilik utama tersebut.

[33] Mengimbas semula prinsip yang diputuskan di dalam kes *Low Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 serta *Mohd Radzi Abu Bakar v. PP* [2006] 1 CLJ 457 maka mahkamah di sini khususnya di peringkat akhir kes pendakwaan perlulah membuat penilaian secara maksima semua keterangan-keterangan yang dikemukakan sama ada ianya cukup untuk membuktikan elemen pemilikan secara langsung (direct physical possession) ke atas kesemua dadah yang ditemui di dalam bilik utama tersebut.

[34] Memadailah dinyatakan di sini seawalnya sebelum mahkamah menghalusi keterangan keseluruhannya bahawa apa yang membentuk milikan adalah merupakan suatu persoalan undang-undang tetapi sama ada dalam sesuatu kes seseorang itu

mempunyai milikan sesuatu barang itu adalah merupakan suatu persoalan fakta (lihat *PP v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557). Thomson J dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] MLJ 237 khususnya di ms. 239 memberikan penjelasan yang berharga mengenai "milikan" seperti berikut:

> ... "possession" itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Edition p. 304):
>
> 'A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need. To put it otherwise, there is a physical element and mental element which must be present before possession is made out. The accussed must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must be shown he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some *"animus possidendi"*. Intention is a matter of fact, which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case. If a watch is in my pocket then in the absence of anything else the inference will be clear that I intend to deal with it as if it were my own and accordingly I am possession of it. On the other hand, if it is lying on the table in a room in which I am in but which is also frequently used by other people then the mere fact I am in physical proximity to it does not give rise to the inference that I intend to deal with it as if it belonged to me. There must be some evidence that I am doing or having done something with it shows such an intention. Or it must be clear that the circumstances in which it is found show such an intention. It may be found in a locked room to which I hold the key or it may be found in a drawer mixed up with my own belongings or it may be found, as occurred in a recent case, in a box under my bed. The possible circumstances cannot be set out exhaustively and it is imposibble to lay down any general rule on the point. But there must be something to satisfy the court that the person who is physically in a position to deal with the thing on his own had the intention of doing so.

[35] Berbalik kepada fakta dalam kes ini mengikut keterangan SP4 semasa pemeriksaan utama beliau tidak menjumpai apa-apa barang salah pada badan OKT dan dadah-dadah berkenaan terutamanya: A

(i) Satu paket plastik kemudiannya ditanda 'B' mengandungi 139.75 Ketamine, dan B

(ii) Lima paket plastik kemudian masing-masingnya ditanda 'D', 'D1' hingga 'D4' mengnadungi 1.39g Methamphetamine.

[36] Semuanya dijumpai di dalam laci almari pakaian jauh dari pandangan terbuka OKT di dalam bilik utama itu. C

[37] Bagi satu paket plastik kemudiannya ditanda 'A3' mengandungi 433.88g Ketamine pula ianya dikatakan tersorok di dalam laci meja solek bercermin dalam bilik utama itu selindung daripada pemerhatian OKT. D

[38] Yang jelas tidak ada setitik keterangan pun yang menunjukkan OKT mempunyai pemilikan fizikal secara langsung ("direct physical possession") ke atas dadah-dadah tersebut.

[39] Lagipun selain daripada pakaian-pakaian yang diacupakai dan didapati berpadanan dengan OKT diambil daripada almari pakaian di mana di dalam lacinya dijumpai dadah-dadah di (i) dan (ii) di atas adalah mengikut keterangan SP4 dan disokong oleh SP7 terdapat juga tergantung dalam almari yang berkenaan itu pakaian-pakaian berikut: E F

(i) Dua singlet (baju panas) lelaki warna putih.

(ii) Seluar pendek lelaki.

(iii) Baju lengan panjang lelaki. G

[40] Dengan kehadiran pakaian-pakaian lelaki itu dalam almari pakaian berkenaan maka secara lazimnya semestinya ada pemiliknya dan keterangan ini adalah mustahak kerana ianya boleh dibuat inferens terdapat lelaki lain yang menghuni rumah itu khususnya di bilik utama tersebut bersama-sama OKT. H

[41] Inferens ini diperkuatkan lagi dengan adanya gambar dua perempuan dan seorang lelaki (eks. P34(J)) dijumpai di dalam rumah tersebut membuktikan ada kebenaran wujudnya personality bernama 'John' yang dikatakan teman lelaki kadang-kadang I

bermalam bersama OKT di bilik utama rumah tersebut semasa disoal balas oleh peguambela OKT kepada SP4 dan SP7 dalam perbicaraan.

[42] Yang anehnya OKT dikatakan tinggal berseorangan di bilik utama rumah tersebut tetapi terdapat lagi keterangan-keterangan yang bertentangan dengan teori tersebut iaitu hasil pemeriksaan pegawai penyiasat kes SP7 di bilik utama rumah kejadian terdapat di dalamnya bukan single bed tetapi queen size bed berserta lengkap dengan dua bantal. Kenyataannya kelengkapan sedemikian berpadanan dengan lebih dari seorang menghuni bilik utama rumah tersebut bersama OKT. Jadi kewujudan personaliti bernama 'John' ini tidak boleh ditepis dan hindarkan begitu sahaja oleh pihak pendakwaan kerana di peringkat pendakwaan ini juga adalah menjadi beban bagi mereka untuk memastikan tidak terdapat lompang (gap) dalam kes terhadap OKT ataupun timbulnya keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan OKT.

[43] Kewujudan penghuni lain di dalam rumah itu bukan ditimbulkan tanpa apa-apa bukti pun tetapi kenyataannya berlandaskan keterangan mengikut keadaan sepertimana yang telah diperjelaskan di atas memungkinkan kebenarannya. Jadi setipis manapun kebarangkalian kewujudan penghuni lain di dalam bilik utama rumah itu berasaskan benda-benda milikan orang lain selain OKT maka adalah menjadi tanggungjawab pegawai penyiasat kes SP7 untuk membuat siasatan selanjutnya untuk menutup lompang (gap) yang boleh mencacatkan kes pendakwaan kononnya rumah itu dihuni oleh OKT seorang sahaja. Malangnya SP7 di dalam keterangannya semasa disoal balas mengaku tidak membuat siasatan lanjut dan terperinci untuk menyangkal segala syak atau keraguan bahawasanya bilik utama di mana dadah-dadah tersebut dijumpai orang lain selain daripada OKT tidak mempunyai akses sepanjang masa.

[44] Bagi satu paket plastik bertanda 'A3' mengandungi 433.38g Ketamine didapati di dalam kotak merah kuning tertera tulisan "Shat Kek Ma" (eks. P26) tersorok di dalam laci meja solek bercermin (eksibit gambar P25(L)) di dalam bilik utama adalah terselindung daripada penglihatan OKT. Lagipun tempat P26 ini disorok terdapat juga dua bekas kecil biru untuk menyimpan ubat-

ubatan dikatakan kepunyaan teman lelaki OKT bernama "John". Malangnya fakta ini juga tidak diselidik dan disiasat oleh pegawai penyiasat kes SP7 untuk memastikan kebenarannya ataupun sebaliknya. Lagipun SP7 masa disoal balas mengaku laci meja solek di mana P26 dijumpai adalah nipis sedikit dan tidak pasti P26 boleh masuk atau tidak di dalamnya memandangkan terdapat juga barang-barang lain padat dan berselerak di dalamnya dan memburukkan lagi SP7 mengaku tidakpun membuat ujian sama ada P26 itu boleh masuk atau tidak di dalam laci meja tersebut. Malahan tidak ada sekeping gambar pun diambil oleh jurugambar atas arahan pegawai penyiasat SP7 atau sekurang-kurangnya pegawai serbuan SP4 menunjukkan kesesuaian P26 berada di dalam laci meja itu untuk menyangkal dakwaan peguam bela OKT kononnya tidak logik P26 setebal itu boleh berada di dalam laci berkenaan. Cuma yang ada penjelasan SP7 semasa disoal semula semata-mata membuat anggaran lisan tanpa bukti sokongan yang kukuh kedalaman laci tersebut lebih kurang enam inci dan seterusnya menyatakan pendapat beliau P26 boleh muat di dalam laci tersebut tanpa ditunjukkan secara praktiknya ruang laci itu berpadanan dengan kotak P26 berisi sejumlah besar dadah Ketamine sebanyak 433.38g. Kegagalan SP7 bertindak bukan sahaja menimbulkan lompang (gap) kelicinan kes pendakwaan tetapi membangkitkan keadaan di mana lebih daripada satu inferens selain daripada inferens kebenaran hasil siasatan pegawai penyiasat kes.

[45] Yang lebih tidak meyakinkan kes pendakwaan ialah ketiadaan kotak merah kuning tertera "Shat Ket Ma" (P26) dan paket aluminium di dalamnya (P27) dalam senarai pemeriksaan (P29) yang merupakan eksibit penting di mana dadah Ketamine seberat 433.38g dimuatkan. Alih-alih kedua-dua eksibit tersebut timbul di dalam senarai dalam Borang Serah Menyerah (P30(A) dan P30(B). Senarai pemeriksaan juga tidak kemas kerana tak nyata dengan khusus di mana sebenarnya barang-barang dadah dijumpai. SP4 tidak memberi penjelasan yang meyakinkan mengenai perkara ini dan terdapatlah lompang menimbulkan misteri ke mana perginya P26 dan P27 sebelum diserahkan kepada SP7. SP7 sendiri semasa pemeriksaan utama mengaku tidak pernah menerima sudu plastik tiba-tiba terdapat di dalam plastik bertanda 'A3' (P12) mengandungi 433.38g Ketamine (P12(A) daripada serahan barang-barang eksibit seawalnya daripada SP4. Hal ini langsung tidak diperjelaskan sama ada oleh SP4 atau pegawai penyiasat kes yang

menerimanya iaitu SP7. Hal ini amat meragukan kerana kemungkinan besar dadah tersebut telah diganggu gugat oleh pihak yang tidak berkenaan menyebabkan inferens yang tidak berpihak kepada pihak pendakwaan adalah terpakai.

[46] Selain daripada dadah-dadah ini SP4 juga dalam keterangannya menyatakan menjumpai sepuluh keranjang aluminium kemudiannya ditanda "E", "E1" hingga "E9" mengandungi 100 biji tablet kesemuanya warna oren iaitu 0.77g Nimetazepam (eks. P20(A) hingga P20(J)) dan juga satu paket plastik kemudiannya bertanda "F" mengandungi 17 biji tablet berwarna merah jambu iaitu 2.12g Ketamine (P22) secara terang-terang dan terbuka di atas katil di dalam bilik utama rumah tersebut. Pada masa yang sama SP4 memberi keterangan sebaik saja beliau memecah masuk ke dalam bilik utama rumah tempat kejadian itu nampak OKT berdiri di tepi tingkap tergamam dan membuang sesuatu ke bawah tetapi SP4 tidak tahu apa yang dibuang oleh OKT. Beberapa minit selepas kejadian itu semasa SP4 membuat pemeriksaan di dalam bilik utama itu dimaklumkan oleh anggotanya SP6 yang berjaga di bahagian bawah Pangsapuri Samudera nampak sesuatu dicampak daripada bahagian Pangsapuri Samudera yang ditarget tetapi SP6 tidak tahu siapa dan apa yang dicampakkan. SP6 juga katakan benda yang dicampakkan itu jatuh ke bawah lebih kurang 5 ke 6 meter sahaja daripada tempat pemerhatian beliau. Barang yang jatuh itu SP6 dapati satu bungkusan plastik lutsinar terdapat serbuk putih yang terkeluar daripadanya bersama-sama beberapa plastik kecil lutsinar dan juga satu alat penimbang yang terpelanting jaraknya lebih kurang satu atau dua kaki daripada plastik yang pecah itu.

[47] Berbalik kepada dadah-dadah P20(A) hingga (J) dan P22 yang dijumpai di atas katil dalam bilik utama rumah tersebut. SP4 menyatakan di dalam keterangannya. Pihak serbuan mengambil masa lebih kurang 15 minit untuk memperkenalkan diri anggota polis, memicit loceng rumah, menepuk atau mengetuk pintu rumah, memotong grill, memecah pintu dan akhir sekali memecah dan menyerbu masuk ke dalam bilik utama di mana OKT menghuninya. Dalam hal ini mahkamah bersetuju dan akur dengan penghujahan peguambela bahawa dalam tempoh tersebut OKT mempunyai masa yang panjang sekiranya beliau hendak melupuskan melalui tingkap bukan sahaja satu bungkusan plastik lutsinar tanda 'C' mengandungi serbuk putih iaitu 106.49g Ketamine (eks. P16)

berserta beberapa plastik kecil lutsinar dan alat penimbang (P31) tetapi juga dadah-dadah P20(A) hingga (J) dan P22 yang dikatakan berada di atas katil ketika itu. Maka ini satu tindakan yang tidak munasabah oleh OKT kenapa tidak membuang kesemua dadah yang berada di atas katil itu yang akan pasti membawa padah kepada beliau sendiri. Keadaan sedemikian amat meragukan kes pendakwaan dan boleh membawa kepada beberapa inferens yang sudah pasti berpihak kepada OKT (*Tai Chai Keh v. PP* [1948] 1 LNS 122 dan *PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 713).

[48] Bagi kesemua dadah-dadah yang dijumpai di dalam bilik utama rumah itu bukannya OKT seorang sahaja mempunyai jagaan dan kawalan (custody and control) kerana di dalam bilik yang berkenaan itu terdapat juga pakaian-pakaian, barang-barang dan gambar lelaki bersama perempuan lain yang mana pegawai penyiasat SP7 gagal untuk mengambil tindakan selanjutnya untuk menyangkal fakta kononnya ada pihak ketiga bernama 'John' iaitu teman lelaki OKT tinggal bersamanya disitu dan mempunyai akses kepada dadah-dadah yang tersorok di dalam almari dan laci meja solek yang berdasarkan pada keterangan adalah jauh daripada penglihatan dan pandangan OKT ketika yang berkenaan. Lagipun siasatan di dalam bilik utama ini menimbulkan banyak keraguan di mana kotak merah kuning (P26) dan kertas aluminium (P27) di mana dijumpai dadah di dalam laci meja solek tidak langsung dinyatakan di dalam Borang Pemeriksaan (P29) dan tiada penjelasan yang meyakinkan diberikan mengenainya. Begitu juga kotak merah kuning (P26) tidak langsung diambil gambar semasa dijumpai di dalam laci meja solek atau sekurang-kurangnya dibuat ujian untuk menunjukkan kesesuaian saiz P26 dengan ruang atau ketebalan laci meja yang berkenaan itu. Daripada keterangan SP7 sendiri semasa lawatan kali kedua di rumah tempat kejadian pada 7 April 2009 bersama SP4 banyak barang-barang kes yang dirampas untuk pendakwaan diambil tanpa kehadiran OKT dan ini sudah pasti melanggar undang-undang keadilan (breach of natural justice) terhadap OKT. Tambahan pula ketidak logiknya atau munasabahnya keterangan konon dadah-dadah P20(A) hingga (J) dan P22 dijumpai terpampang di atas katil tanpa OKT melupuskan kesemuanya dalam tempoh lebih kurang 15 minit sebelum pasukan serbuan memecah masuk ke dalam bilik utama itu. Kesimpulannya keterangan saksi-saksi pendakwaan untuk membuktikan OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah-dadah dijumpai di dalam bilik utama itu amat meragukan dan tidak munasabah.

[49] Mahkamah juga dapati satu-satunya keterangan pihak pendakwaan untuk membuktikan yang OKT mempunyai pengetahuan ke atas dadah-dadah yang dijumpai di dalam bilik utama itu ialah perlakuan (conduct) OKT yang terpukau di tepi tingkap dan dalam keadaan yang takut, cemas dan berpeluh di mana jelas kelihatan ada bintik-bintik air di dahinya semasa SP4 serta anggota serbuan memecah masuk ke dalam bilik utama rumah tersebut. Dalam hal ini dirujuk pernyataan Lord Ackner dalam kes *Chan Kwok Keung & Anor v. The Queen* [1990] 1 CLJ 411; [1990] 3 CLJ (Rep) 386 khususnya ms. 386 & 389 seperti berikut:

> It is common ground that conduct, and in particular the flight of an accussed after an offence has been committed, may be tantamount to an admission by him of his guilt of that offence and as such admissible evidence ... But each case must depend on its own particular facts ... In order for flight to be capable of amounting to an admission of guilt there must be some evidence which establishes a nexus between the conduct of the accussed, his flight on concealment and the offence in question. In this case prosecution produced no evidence to establish that either of the appellants had been hiding away or otherwise behaving in an unusual manner in the period of nearly ten months. There was therefore no material which could have justified the jury inferring that the only reasonable explanation for the appellants stowing away on the ship from Hong Kong to Macau was that they were on the run because they knew they might be arrested and charged with their murder. There could have been a variety of other reasons for their having stowed away nearly ten months after the murder.

[50] Menggunapakai prinsip di atas maka dalam kes ini tidak ada setitik keterangan pun menunjukkan OKT cuba melarikan diri atau menyorok daripada pandangan pasukan serbuan sungguh pun terpampang dadah-dadah P20(A) hingga (J) dan P22 kalau benar OKT berpengalaman mengenainya di atas katil bersebelahan dengan tempat OKT berdiri. Mahkamah membuat kesimpulan perlakuan OKT yang terpaku di tepi tingkap disebabkan beliau seorang perempuan yang ketakutan dan bersendirian ketika itu apabila diserbu masuk ke dalam bilik utama tersebut oleh sekumpulan manusia yang tidak dikenali. Sepertimana yang telah dinyatakan pada awalnya sekiranya benar beliau mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut sudah pasti OKT sudah lama

melupuskannya dalam tempoh lebih kurang 15 minit sebelum pasukan memasuki bilik utama tersebut. Pada keseluruhannya perlakuan OKT dalam hal ini ketika itu selaras dengan tindak-tanduk seorang yang tidak melakukan apa-apa kesalahan pun. Oleh itu, mahkamah memutuskan OKT tidak mempunyai pengetahuan tentang kesemua dadah-dadah yang dikatakan dijumpai di dalam bilik utama itu kecuali yang dirampas di atas katil tetapi keterangan mengenainya amatlah tidak munasabah dan meragukan kesahihannya.

[51] Begitu juga barang-barang dadah yang dikatakan dibuang oleh OKT melalui tingkap bilik utama pangsapuri di mana SP4 tidak dapat pun mengesahkan barang apa tersebut dan SP6 yang membuat pemerhatian di bawah pangsapuri juga tidak nampak siapa dan barang apa yang dibuang kononnya daripada tingkap bilik utama yang dihuni oleh OKT di pangsapuri tersebut. Yang anehnya, SP6 tidak pernah ke pangsapuri itu sebelum ini khususnya di unit No. 12 di tingkat 14. Memburukkan lagi SP6 tidak tahu berapa tingkat bangunan itu dan daripada itu berapa tingkat dikhaskan untuk tempat letak kereta. SP6 juga tidak tahu terdapatnya 16 unit rumah di setiap tingkat di bangunan tersebut. Apabila dirujuk gambar Pangsapuri Samudera melalui P25 beliau juga gagal untuk mengecam unit 14-12 dari mana dikatakan kejadian berlaku. Dalam keadaan sedemikian mana mungkin SP4 dan SP6 pasti barang yang kononnya dibuang melalui tingkap bilik utama yang dihuni oleh OKT itu merupakan barang yang sama dijumpai di bawah bertaburan (P16) bersama-sama dengan beberapa plastik lutsinar putih dan alat timbang (P31) yang dikatakan oleh SP6 jatuh ke bawah lebih kurang 5 atau 6 meter daripada kedudukan beliau.

[52] Yang menimbulkan keraguan lagi kes pendakwaan ini ialah plastik mengandungi dadah P16 berserta beberapa plastik lutsinar kecil lain bersamanya diakui SP4 dan SP7 tidak pun diambil sebagai barang bukti untuk membuktikan rantaian kes pendakwaan tidak terputus. Apabila ini berlaku maka Mahkamah ini memutuskan lompang (gap) kes pendakwaan dan inferens berpihak kepada OKT terpakai.

[53] Alat timbang (P31) yang dikatakan oleh SP6 jatuh di bawah bersama P16 terpelanting lebih kurang satu kaki daripada tempat jatuh asalnya hanya diserahkan oleh SP4 17 jam selepas barang-

barang eksibit yang lain diserahkan kepada SP7 dan memburukkan lagi P31 ini tidak pernah ditanda pun baik oleh SP4 mahupun SP7 dan Borang Pemeriksaan mengenainya tidak pernah pun diserahkan kepada OKT untuk pengesahan hak milik dan perjumpaannya. Lebih meragukan ialah dadah di dalam plastik bertanda 'C' ini (P16) yang dijumpai di bawah Pangsapuri Samudera ini dinyatakan di dalam Borang Pemeriksaan (P29) dijumpai di dalam bilik utama OKT dan sudahlah meragukan ditambah lagi dengan penjelasan SP4 dan SP7 mengenai percanggahan ini sebagai maklumat umum sahaja amatlah tidak menyakinkan. Oleh kerana terdapatnya percanggahan keterangan-keterangan saksi pendakwaan mengenai dadah P16 ini maka mahkamah memutuskan tidak adanya nexus untuk dikaitkan P16 ini dengan OKT sebagai orang yang memiliki dan mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut.

[54] Mahkamah setelah meneliti serta menilai semua keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan secara penilaian yang maksima memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan OKT mempunyai pemilikan ke atas dadah-dadah yang dijumpai di dalam bilik utama rumah tersebut dan juga dadah-dadah yang kononnya dicampak atau dibaling oleh OKT melalui tingkap bilik utama tersebut. Pihak pendakwaan juga gagal mengemukakan bukti yang kukuh untuk menunjukkan OKT mempunyai pengetahuan mengenai kandungan kesemua dadah-dadah baik yang dijumpai di dalam bilik utama dan begitu juga kononnya yang dicampak dan jatuh di bahagian bawah Pangsapuri Samudera tersebut.

Elemen Kedua

[55] Mahkamah memutuskan analisa ke atas dadah-dadah oleh Encik Jayasilan a/l Sinnathurai, ahli kimia, Jabatan Kimia Malaysia yang juga memperakukan Ketamine, Methamphetamine dan Nimetazepam adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 tidaklah inherently incredible dan dengan itu menerimanya tanpa sebarang keraguan.

[56] Bagi elemen 'pengedaran' (trafficking) di sini pihak pendakwaan tidak boleh menggunapakai peruntukan anggapan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana dadah terlibat di dalam pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ini ialah Ketamine. Oleh itu pihak pendakwaan tidak mempunyai pilihan dan hendaklah bergantung kepada definasi

pengedaran di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membuktikannya melalui keterangan langsung atau mengikut keadaan.

[57] Pihak pendakwaan seawalnya telah menyatakan hasrat untuk menggunapakai elemen "keeping", "storing" dan "concealing" sepertimana yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membuktikan OKT melakukan kesalahan "pengedaran" dadah-dadah yang dijumpai di dalam bilik utama rumah tersebut dan juga kononnya dicampak oleh OKT dan jatuh di bahagian bawah Pangsapuri Samudera. Tetapi dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181 telah diputuskan "keeping", "storing" dan "concealing" sahaja tidak dapat menimbulkan kesalahan "pengedaran" dadah-dadah tersebut dan pihak pendakwaan perlulah menunjukkan adanya "an overt act" dilakukan oleh OKT ke atas dadah-dadah tersebut iaitu OKT memindahkan dadah-dadah berkenaan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain untuk tujuan "promote distribution" kepada pihak ketiga.

[58] Dalam kes kita ini setelah mahkamah menilai keseluruhan keterangan secara maksimanya maka adalah diputuskan tidak ada setitik bukti pun yang dapat menunjukkan dadah-dadah di dalam bilik utama dan yang jatuh di bahagian bawah Pangsapuri Samudera itu dipindahkan dari tempat asalnya untuk tujuan pengedaran kepada pihak lain. Dengan kehadiran alat penimbang (P31) semata-mata tidak mencukupi untuk menunjukkan dadah-dadah itu untuk tujuan pengedaran dan lagipun status P31 tersebut amatlah meragukan untuk digunakan sebagai keterangan sokongan membuktikan OKT menggunakannya dalam urusan pengedaran dadah.

Keputusan

[59] Akhir kata keseluruhan keterangan pendakwaan di peringkat ini tidak mencukupi dan tidak kuat untuk membuktikan satu kes *prima facie* baik di bawah s. 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 mahupun di bawah s. 12(2) Akta yang sama terhadap OKT bagi kesemua keempat-empat pertuduhan tersebut masing-masingnya.

A **[60]** Atas alasan tersebut mahkamah memutuskan adalah tidak selamat untuk memanggil OKT dalam kes ini untuk membela diri atas keempat-empat pertuduhan pindaan tersebut dan mahkamah dengan ini tidak bersedia untuk mensabitkan OKT jika pembelaan dipanggil dan beliau mendiam diri.

B

[61] Dengan itu OKT dibebas dan dilepaskan dari pertuduhan-pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

C

D

E

F

G

H

I